



Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mempelawa belia dan beliawanis tanahair untuk berkhidmat sebagai anggota TLDM peringkat rendah (Lain-Lain Pangkat) lelaki dan wanita di dalam pelbagai bidang kepakaran dan cawangan.

#### KELAYAKAN AKADEMIK

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kepujian di dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan

#### LAIN-LAIN SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih 23 tahun pada tarikh angkat sumpah **18 Nov 2013**.
- Penglihatan dan Pengecaman warna yang baik.
- Diperakui sihat dan tidak cacat anggota.
- Syarat minima ukuran fizikal:
  - Tinggi - 162 m (Lelaki) 160 m (Wanita),
  - Berat - 47.5 kg (Lelaki) 46.5 kg (Wanita),
  - BMI - 18-25 (berat/ tinggi x tinggi)
  - Dada - Biasa 76 cm, Kembang 81 cm.

Cara pengiraan: **BMI :  $\frac{\text{Berat (kg)}}{\text{Tinggi (m)} / \text{Tinggi (m)}}$**

- Penglihatan hendaklah terang dan jelas tanpa cermin mata atau kanta sesentuh serta tidak rabun warna.

#### PERMOHONAN

- Calon yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara **online** di laman sesawang **www.jobsmalaysia.gov.my** mulai **29 Jul 2013** hingga **31 Ogos 2013**.

**KEISTIMEWAAN**

- Pakaian seragam percuma.
- Sajian dan penginapan percuma.
- Rawatan perubatan dan pergigian percuma.
- Wahren perjalanan tahunan percuma untuk cuti bersama keluarga.
- Bayaran Insentif Sabah dan Sarawak bagi yang berkhidmat di Sabah/Sarawak (Tertakluk kepada syarat/kelayakan).
- Bayaran Insentif Semenanjung Malaysia (Tertakluk kepada syarat/kelayakan).
- Peluang mengikuti pengajian di bawah Program Skim Pengajian Tinggi.
- Kemudahan pinjaman Perumahan, Kenderaan dan Komputer

Gaji Dan Elaun Anggota Peringkat Rendah						
Pangkat	Peringkat Gaji (RM)	Elaun Khidmat (RM)	Bayaran Insentif ATM (RM)	Elaun Perumahan (RM)		
				Semenanjung	Sabah	Sarawak
Laskar Muda	1036.83	115.00	200.00	275.00	-	-
Laskar Kelas II	1136.83 – 3390.66	115.00	200.00	275.00	435.00	330.00
Laskar Kelas I	1588.42 – 3739.87	115.00	200.00	275.00	435.00	330.00
Laskar Kanan	2207.94 – 4090.53	115.00	200.00	275.00	435.00	330.00
Bintara Muda	1707.49 – 5046.93	160.00	200.00	275.00	435.00	330.00
Bintara Kanan	3060.86 – 5817.39	160.00	200.00	300.00	480.00	360.00
Pegawai Waran II	3459.75 – 7182.94	220.00	200.00	300.00	480.00	360.00
Pegawai Waran I	3459.75 – 7182.94	220.00	200.00	300.00	480.00	360.00

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:**

**Markas Tentera Laut**  
**Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Sumber Manusia – Bantuan**  
**Kementerian Pertahanan**  
**Jalan Padang Tembak,**  
**50634 KUALA LUMPUR**  
**(Untuk Perhatian: Sel Pengambilan LLP) Telefon: 03 – 2071 3177 / 03 – 2071 6925**  
**Laman Web: [www.navy.mil.my](http://www.navy.mil.my)**